JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 12/2020

**RUJUKAN : 3 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan secara umumnya telah memasuki hari ke-18 yang mana fasa kedua bermula pada 1 April 2020. Statistik jangkitan kes baharu COVID-19 di Malaysia terus meningkat dengan **pertambahan 217 kes positif** berbanding catatan hari sebelumnya 208 kes. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pada **3 April 2020** jumlah kumulatif jangkitan dalam negara **meningkat kepada 3,333 kes atau 6.98 peratus daripada 47,723 individu** yang terlibat dengan proses saringan sejak wabak ini menular. Sementara itu, terdapat 2,453 kes yang sedang menerima rawatan manakala **bilangan discaj meningkat kepada 827 kes.** Sehingga kini sejumlah 53 kematian telah direkodkan dengan **pertambahan 3 kematian** menerusi kes di Selangor, Negeri Sembilan dan Perak.

Peningkatan kes positif dalam negara **diterajui oleh jumlah jangkitan baharu** yang melibatkan **kawasan lembah klang sebanyak 119 kes**, wilayah Malaysia Timur (33 kes), Zon Pantai Timur (31 kes), Zon Selatan (28 kes) dan Zon utara dengan pertambahan 6 kes positif. Jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di peringkat negeri didominasi oleh Selangor dengan 863 kes diikuti WP Kuala Lumpur (543 kes), Johor (416 kes), Sarawak (239), Sabah (215 kes) dan Negeri Sembilan sebanyak 211 kes seperti pada Jadual 1. Secara umumnya, **terdapat 7 buah negeri** yang telah **merekodkan lebih 200 kes positif** sementara kes jangkitan **terendah adalah di WP Labuan dengan 10 kes**. Pada masa yang sama, **Hulu Langat, Lembah Pantai dan Petaling** merupakan daerah dan kawasan yang mempunyai **jumlah jangkitan yang tinggi** iaitu melebihi 200 kes positif sehingga 2 April 2020.

**Di seluruh dunia, jumlah jangkitan COVID-19** telah mencecah **angka satu juta kes iaitu 1,013,374** dengan **jumlah kematian 52,986**. Kes positif di **Amerika Syarikat** telah **meningkat kepada 243,453** diikuti Itali dengan 115,242, Sepanyol 112,065 manakala **Jerman mengatasi China** dengan 84,794 kes. Sementara itu, statistik bilangan **kematian tertinggi** dicatatkan **di Itali iaitu 13,915 kematian, meningkat 760 kes** berbanding hari sebelumnya**.** Sepanyol turut merekodkan **angka kematian yang semakin meruncing** apabila meningkat **sebanyak 960 kes** menjadikan jumlah keseluruhan 10,348. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada 5.23 peratus manakala kadar kes sembuh melepasi 200,000 kes atau 20.75 peratus seperti pada jadual 2.

Pertumbuhan ekonomi global dijangka **menguncup berikutan krisis kesihatan** yang sedang melanda. Pencegahan penularan COVID-19 menerusi sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan memberi impak kepada jumlah dagangan, rantaian bekalan, pengeluaran dan industri pelancongan. **Menurut Bank Negara Malaysia**, sebagai ekonomi terbuka Malaysia dijangka terkesan susulan permintaan global yang lemah, gangguan rantaian bekalan dan kesan daripada tindakan kawalan yang mengkhusus bagi membendung penularan wabak ini. **Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia diunjurkan berkembang antara -2.0% hingga + 0.5% pada tahun 2020**. Pakej rangsangan yang diumumkan Kerajaan akan membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi selain projek-projek infrastruktur berskala besar yang akan menyokong pertumbuhan. Bank Negara **menjangkakan ekonomi Malaysia akan kembali pulih pada tahun 2021**, sejajar dengan jangkaan pemulihan yang diunjurkan dalam ekonomi global.

Kejutan ekonomi global akan memberi kesan ketara kepada prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada *Public Invest Daily* memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

**GLOBAL**: **Berdasarkan laporan Global Economic Outlook** yang dikeluarkan oleh Agensi penarafan Fitch Ratings, **ekonomi dunia diunjurkan turun -1.9 peratus pada tahun 2020**. Agensi berkenaan mengunjurkan ekonomi-ekonomi utama dunia seperti **AS, Eropah (EU) dan UK menyusut -3.3 peratus -4.2 peratus dan -3.9 peratus** pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi China dari krisis yang melanda pada suku pertama tahun 2020 dijangka mengurangkan impak negatif ekonomi negara-negara utama dunia dan mendorong ekonomi global menyusut di bawah paras -2 peratus.

**AS**: Bilangan **tuntutan pengangguran di AS melonjak** pada minggu akhir Mac 2020. Laporan Jabatan Buruh AS menunjukkan terdapat **6.65 juta permohonan** pada minggu lepas apabila **kebanyakan perniagaan dan restoran tidak dapat beroperasi** akibat penjarakan sosial yang dilaksanakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di AS.

**AS**: Jabatan Perdagangan AS melaporkan **jumlah pesanan baharu produk pembuatan** AS pada Februari 2020 **turun kurang dari marginal -0.01 peratus** kepada USD 497.4 bilion berbanding USD 497.5 bilion pada bulan sebelumnya. Pesanan ke atas Barangan Tahan Lama meningkat 1.2 peratus manakala pesanan **ke atas Barangan Tidak Tahan Lama turun -1.2 peratus**.

**AS**: Defisit perdagangan AS pada Februari 2020 **mengecil dan merekodkan nilai defisit terendah** dalam tempoh tiga tahun ke belakang. Nilai defisit perdagangan AS **turun kepada USD 39.9 bilion** pada Februari 2020 berbanding USD 45.5 bilion pada bulan sebelumnya. Penurunan ini didorong oleh **kejatuhan pertumbuhan Import AS yang lebih laju** berbanding Eksport pada bulan rujukan. Rekod menunjukkan Import AS menyusut -2.5 peratus manakala Eksport turun marginal -0.4 peratus.

**EU**: Indeks Harga Pengeluar (IHPr) Eropah **turun -1.3 peratus pada Februari 2020** berbanding -0.7 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Penurunan yang mendadak ini **didorong oleh kejatuhan harga minyak sebanyak -6.5 peratus**. IHPr tanpa mengambil kira tenaga mencatatkan pertumbuhan 0.5 peratus berbanding 0.6 peratus pada Januari 2020. Pada Februari 2020, IHPr Barangan Tidak Tahan Lama meningkat 2.4 peratus manakala IHPr Barangan Tahan Lama dan IHPr Barangan Modal masing-masing meningkat 1.4 peratus dan 1.2 peratus.

**EU**: Jerman dijangka menghadapi **kemelesetan ekonomi yang lebih teruk** berbanding kemelesetan kewangan global yang dihadapi Jerman pada tahun 2008/2009. Menteri Ekonomi Jerman, Peter Altmaier menyatakan krisis penularan wabak COVID-19 akan memberi **impak penyusutan lebih dari 5 peratus ekonomi pada 2020**.

**SINGAPURA**: **Moody's telah menurunkan penarafan** ke atas sistem perbankan Singapura dari **"stabil" kepada "negatif"** apabila peningkatan **risiko ke atas hutang lapuk** dan **penurunan hasil** akibat pertumbuhan ekonomi yang rendah dan penurunan kadar faedah oleh bank bagi menampan impak penularan COVID-19.

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan KDNK Malaysia** pada tahun 2020 akan tumbuh dalam **jajaran positif 0.5 peratus hingga negatif 2.0 susulan** daripada senario yang dihadapi oleh ekonomi dunia daripada penularan COVID-19. **Pertumbuhan perlahan ini didorong** oleh kesan **kemerosotan industri pelancongan**, **gangguan dalam industri pembuatan** dan **penurunan harga minyak global.**

2. **Sistem kewangan** dalam **kedudukan yang kukuh** bagi menghadapi tekanan daripada wabak COVID-19. Menurut **Laporan Kestabilan Kewangan oleh BNM**, tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan seperti **penilaian semula terhadap OPR** dipercayai dapat mengurangkan beban isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat wabak COVID-19.

3. Ekonomi Malaysia **beroperasi pada kapasiti 45 peratus** sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa akibat pandemik Covid-19. Prestasi **naik turun dalam harga minyak mentah** dan **gangguan bekalan** dalam sektor komoditi akan menjejaskan ekonomi domestik**. Inflasi keseluruhan** diunjurkan **antara -1.5 hingga 0.5 peratus** dan **inflasi asas** antara **0.8 hingga 1.3 peratus pada 2020.**

4. Syarikat MRO pesawat di Asia Pasifik, SIAEC akan **melaksanakan pemotongan gaji dan pengurangan upah membabitkan pengurusan atasan** serta **menangguhkan kos operasi** yang tidak penting, perbelanjaan modal bukan utama dan jadual pembayaran tertentu.

5. Yayasan Sime Darby (YSD) **menyumbangkan** bantuan bernilai **RM4.4 juta** kepada individu dan komuniti yang terkesan akibat COVID-19. Bantuan ini **meliputi RM3.5 juta** untuk **bekalan perubatan**, **peralatan perlindungan peribadi (PPE)** dan **ventilator kepada KKM** dan **Pharmaniaga Berhad.**

6. Bilangan orang yang melaporkan **kehilangan pekerjaan** dan ingin mendapatkan bantuan dibawah Skim Insurans pekerjaan PERKESO (EIS) **meningkat dengan ketara pada bulan Mac**. Berdasarkan laporan berkenaan bermula 1 sehingga 29 Mac 2020, **seramai 4,917 orang telah kehilangan pekerjaan.**

7. Industri elektrik dan elektronik Malaysia (E&E) meminta kerajaan **mempertimbangkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran sehingga 50 peratus** semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (MCO). **Kapasiti pengeluaran 30 peratus** semasa akan **memberi implikasi terhadap rantaian bekalan global.**

8. Jumlah jualan kenderaan **dijangka merosot 20 peratus** pada **Mac dan April** kerana wabak Covid-19.

9. Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) **akan menangguhkan sementara** semua perkhidmatan rel sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan **bermula pada 4 April 2020** setelah mendapati **penurunan jumlah pengguna harian yang mendadak.**

10. Kerajaan Negeri Sabah terus **memberikan bantuan kewangan** secara one-off sebanyak **RM300 meliputi peruntukan RM11,065,800** diagihkan kepada **36,886 individu** yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.

11. Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan **jangkaan peningkatan kadar pengangguran sehingga 4 peratus pada 2020** berbanding 3.3 peratus pada 2019.

12. **Harga runcit RON95 dan RON97 turun RM0.08** kepada RM1.30 dan RM1.60 masing-masing. Manakala **harga diesel turun RM0.10** kepada RM1.58 bermula 4 April hingga 10 April 2020.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Straits Times** | **Malaysia's central bank says economy could shrink by up to 2% in 2020 due to coronavirus**<br><br>Malaysia's economy could shrink by as much as 2 per cent or grow 0.5 per cent this year due to the coronavirus pandemic and its effects on the global and domestic economy<br><br>As for inflation rate, it was expected to average between -1.5 per cent and 0.5 per cent this year. In addition, Bank Negara will continued on monetary policy in accommodating the sustainable economic activity amid low inflation. | https://www.straitstimes.com/business/economy/malaysias-central-bank-says-economy-could-shrink-by-up-to-2-in-2020-due-to |
| 2. | **The Edge Markets** | **BNM: Malaysia's growth to be supported by private and public consumption**<br><br>Against the backdrop of weak global demand, Malaysia's economy will nevertheless be supported by growth in private and public consumption. Private consumption is expected to grow 4.2%, lower than a recorded 7.6% growth in 2019. Meanwhile, growth in public consumption is expected to be 5.9%, higher than a recorded 2% growth last year.<br><br>The central bank has forecasted Malaysia's | https://www.theedgemarkets.com/article/bnm-malaysias-growth-be-supported-private-and-public-consumption |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | economic growth this year to range between -2% and 0.5%. | |
| 3. | **The Edge Markets** | **KLCI retreats as BNM warns of slower growth in 2020**<br><br>The FBM KLCI retreated at mid-morning Friday after Bank Negara Malaysia (BNM) depicted a less-than-favourable outlook for Malaysia in 2020 in its 2019 Annual Report. The pullback this morning came after BNM said the country's economy could contract by as much as 2% due to the coronavirus outbreak.<br><br>FBM KLCI shed 2.14 points to 1,328.76. The index had earlier risen to a high of 1,333.82. | https://www.theedgemarkets.com/article/klci-retreats-bnm-warns-slower-growth-2020 |
| 4. | **Berita Harian** | **COVID-19: YSD sumbang RM4.4j untuk golongan memerlukan**<br><br>Yayasan Sime Darby (YSD) menyumbangkan bantuan bernilai RM4.4 juta kepada individu dan komuniti yang terkesan akibat COVID-19. Bantuan ini meliputi RM3.5 juta untuk bekalan perubatan, peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan ventilator kepada KKM dan Pharmaniaga Berhad, RM577,840 untuk kos mengatur gerak sukarelawan perubatan, bantuan untuk petugas barisan hadapan, golongan memerlukan serta pusat kuarantin di Terengganu yang diselaraskan oleh MERCY MALAYSIA dan RM195,000 kepada PPUM untuk membeli | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672668/covid-19-ysd-sumbang-rm44j-untuk-golongan-memerlukan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sarung tangan, perisai muka pakai buang dan pakaian penutup untuk kegunaan petugas barisan hadapan perubatan. | |
| 5. | **Berita Harian** | **COVID-19: 36,886 terima bantuan RM11.065 juta di Sabah**<br><br>Bayaran secara one-off sebanyak RM300 yang membabitkan peruntukan sebanyak RM11,065,800 diagihkan kepada 36,886 individu di Sabah sebagai bantuan khas COVID-19. Penerima bantuan meliputi 20,157 penerima bantuan am, anak yatim (2,197) serta golongan orang tua, kanak-kanak, ibu atau bapa tunggal, orang kurang upaya dan pesakit kronik (14,532) | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672401/covid-19-36886-terima-bantuan-rm11065-juta-di-sabah |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1, 2 dan 3 - Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan KDNK Malaysia pada tahun 2020 akan tumbuh dalam jajaran positif 0.5 peratus hingga negatif 2.0 susulan daripada senario yang dihadapi oleh ekonomi dunia daripada penularan COVID-19. Pertumbuhan perlahan ini didorong oleh kesan kemerosotan industri pelancongan, gangguan dalam industri pembuatan dan penurunan harga minyak global. Menurut BNM, ekonomi akan terus dipacu oleh penggunaan akhir swasta dan kerajaan.
2. Artikel 5 – Kerajaan Negeri Sabah terus memberikan bantuan kewangan secara one-off sebanyak RM300 meliputi peruntukan RM11,065,800 diagihkan kepada 36,886 individu yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Prestasi ekonomi Malaysia dijangka akan dipengaruhi oleh prestasi ekonomi global, kesan COVID19 kepada sektor ekonomi domestik dan kesan pakej rangsangan PRIHATIN yang diumumkan kerajaan. Bahagian akan berterusan memantau indikator yang memberi kesan kepada pengukuran prestasi ekonomi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2. Bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada individu yang terjejas sepanjang PKP dilaksanakan dijangka memberi manfaat kepada kumpulan sasar. | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Star** | **H&M forecasts loss and considers job cuts due to virus**<br><br>H&M sales fell 46% in local currencies in March, the first month of H&M's second quarter, which the fast-fashion maker said will be unprofitable.<br>The company is considering ways to raise debt financing to improve its liquidity as it reduces working hours for tens of thousands of employees. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/03/hm-forecasts-loss-and-considers-job-cuts-due-to-virus |
| 2. | **Borneo Post Online** | **Low oil prices could persist for several months**<br><br>On the back of the Russian-Saudi Arabia oil dispute, and coupled with Covid-19 wreaking global oil demand, the current low oil price environment could persist throughout the remaining months of 2020 before rebalancing in 2021, analysts observed. | https://www.theborneopost.com/2020/04/03/low-oil-prices-could-persist-for-several-months/ |
| 3. | **Borneo Post Online** | **National cars to fare better than foreign marquees**<br><br>In the midst of a slowdown, analysts believe that demand for national cars should fare better compared to that for non-national cars in 2020.<br><br>Affin Hwang Investment Bank Bhd (AffinHwang Capital) made this call as Perodua's top position | https://www.theborneopost.com/2020/04/03/national-cars-to-fare-better-than-foreign-marquees/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | added to the resurgence of Proton have resulted in the national carmakers' combined market share outpacing that of the non-national carmakers since January last year at 58.1 per cent. The national carmakers' market share in February 2020 soared to all-time high of 66.6 per cent. | |
| 4. | **Borneo Post Online** | **Retailers likely to face negative growth for the entire year**<br><br>In the event of the global Covid-19 outbreak and the ongoing domestic political turmoil, the retail consumption pattern here in Malaysia will continue to falter, leading to negative growth rate for the retail industry for the entire year.<br><br>According to Kenanga Research, retailers seasonally post lower sales in the first quarter (1Q) due to a lower base compared to 4Q which is boosted by seasonal year-end promotions and pre-Chinese New Year festivities. This current 1Q20 is further hampered by lower footfalls from Covid-19 outbreak and one-month of MCO. | https://www.theborneopost.com/2020/04/03/retaillers-likely-to-face-negative-growth-for-the-entire-year/ |
| 5. | **Borneo Post Online** | **New price ceiling for face masks a costly burden for businesses**<br><br>The change in price ceiling for three-ply surgical face masks has made it hard for businesses such as pharmacies to sell them as they will now incur a major loss.<br><br>According to SHiNE Pharmacy, it is hard to sell face masks with the price ceiling change because the concept of a price ceiling was not | https://www.theborneopost.com/2020/04/03/new-price-ceiling-for-face-masks-a-costly-burden-for-businesses/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | being properly looked at by decisionmakers in the first place. | |
| 6. | **The Malaysian Insight** | **Ports, hotels and fuel production back as essential services in government gazette**<br><br>Putrajaya has reinstated transportation, ports, airport services, hotels and the production of fuels and lubricants as essential services, 48 hours after not including these sectors in a gazette for the second phase of the movement control order to tackle Covid-19. | https://www.themalaysianinsight.com/s/234488 |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 7. | **Malaysiakini** | **ERL gantung perkhidmatan sepanjang PKP**<br><br>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) akan menangguhkan sementara semua perkhidmatan rel sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan bermula pada 4 April 2020 setelah mendapati penurunan jumlah pengguna harian yang mendadak. | https://www.malaysiakini.com/news/518495?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 8. | **The Edge** | **BNM Annual Report 2019: Financial institutions remain profitable and well-capitalised**<br><br>Banks have been allowed to draw down on capital and liquidity buffers to support the economy during these challenging times. | https://www.theedgemarkets.com/article/bnm-annual-report-2019-financial-institutions-remain-profitable-and-wellcapitalised |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 9. | **The Malaysia Reserve** | **MAH: Hotels see occupancy rates below 20%** | https://themalaysianreserve.com/2020/04/03/hotels-see- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Occupancy rates are expected to remain below 20% by May, while June's forecast of 25% worldwide is expected to remain low due to the number of room cancellations, resulting in hotel losses of up to RM75.7 million. | occupancy-rates-below-20/ |

Penemuan penting & isu:

1. H&M meramalkan kerugian jualan sehingga 46% pada Mac 2020 akibat penutupan perniagaan disebabkan wabak Covid-19.
2. Permintaan terhadap kereta nasional dijangka lebih baik berbanding kereta import dan ini memberi peluang pengeluar kereta nasional menaikkan harga jualan kenderaan mereka.
3. Sektor peruncitan mungkin menghadapi pertumbuhan negatif sepanjang tahun sekiranya wabak Covid-19 global dan pergolakan politik domestik berterusan, corak penggunaan runcit di Malaysia akan terus berkurangan.
4. Harga siling topeng muka mengakibatkan industri farmasi mengalami kerugian kerana harga tersebut ditetapkan lebih rendah daripada harga kos.
5. Aktiviti pengangkutan, hotel dan pelabuhan dimasukkan dalam perkhidmatan esential bagi fasa kedua PKP.
6. Pengguna bagi KLIA Ekspres mengalami penurunan yang mendadak disebabkan pelaksanaan PKP. Oleh yang demikian, pihak Express Rail Link Sdn Bhd. menangguhkan sementara perkhidmatan KLIA Ekspres.
7. BNM telah membenarkan institusi perbankan menggunakan dana lebihan bagi menyokong aktiviti pembiayaan.
8. Jangkaan kadar penginapan 11% bagi tempoh 18 hingga 31 Mac, 16% untuk April dan 19% untuk bulan Mei.
9. Sehingga 30 Mac, 9% pekerja hotel mengalami potongan gaji, 17% telah diberi cuti tanpa gaji dan 4% telah diberhentikan kerja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri runcit dijangka mengalami kadar pertumbuhan negatif sepanjang tahun sekiranya wabak Covid-19 berterusan.
2. Penularan Covid-19 akan menjejaskan subsektor kenderaan bermotor pada bulan Mac dan April 2020.
3. Pengguna ERL menunjukkan penurunan kesan daripada penangguhan industri penerbangan.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Electrical and electronics firms ask for higher capacity** | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/03/el |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The Malaysian electrical and electronics (E&E) industry has called for the government to consider allowing an increase in production capacity to 50% during the movement control order (MCO) period.<br><br>This is given the local E&E industry's position as one of the key components of the global supply chain, servicing principal manufacturers.<br>American Malaysian Chamber of Commerce (Amcham) – Malaysian American Electronics Industry (MAEI) committee chairman Datuk Seri Wong Siew Hai said the current 30% production capacity would have implications on the supply chain.<br><br>"Eventually, the principal manufacturers will source E&E products from other countries to replace our local suppliers. | ectrical-and-electronics-firms-ask-for-higher-capacity |
| 2. | **Bernama** | **Sabah terima 5,000-unit reagen bagi ujian pengesanan COVID-19**<br><br>Kerajaan negeri Sabah hari ini menerima sebanyak 5,000-unit reagen atau bahan uji COVID-19 bagi kegunaan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) menjalankan ujian pengesanan virus tersebut.<br><br>Bekalan reagen bernilai RM900,000 itu dibeli di Singapura oleh kerajaan Sabah dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan (NGO). | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1828309 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Safar Untong, yang berada di LTAKK, memberitahu pemberita, dengan adanya bekalan reagen tersebut, kerajaan Sabah berharap ujian pengesanan COVID-19 ke atas sampel yang masih tertangguh akan dapat disegerakan.<br><br>“Selain itu, Sabah turut menerima 200,000 keping penutup mulut dan hidung; 50,000 keping sarung tangan; 10,000-liter cecair pembasmi kuman dan beberapa bahan keperluan untuk kegunaan makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah. | |
| 3. | **Bernama** | **Sabah terima 20,000 lagi penutup mulut dan hidung sumbangan China**<br><br>Sabah menerima tambahan 20,000-unit penutup mulut dan hidung sumbangan kerajaan China menerusi Konsulat Jeneral China di Kota Kinabalu hari ini.<br><br>Timbalan Ketua Menteri Datuk Christina Liew menerima barangan tersebut di Bangunan MASkargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) bagi pihak Kerajaan Negeri.<br><br>“Penutup mulut dan hidung ini untuk kegunaan petugas barisan hadapan yang bertugas dalam perkhidmatan perlu,” katanya dalam kenyataan di sini. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1828303 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Konsul Jeneral republik itu di Kota Kinabalu, Liang Caide yang sebelum ini telah menyumbang 17,000-unit penutup mulut dan hidung, 1,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) dan 200 pasang gogal kepada Kerajaan Negeri. | |
| 4. | **Bernama** | **Pelepasan kargo bukan keperluan asas sehingga 7 April**<br><br>Syarikat yang menyimpan kargo barangan bukan keperluan asas di pelabuhan-pelabuhan utama negara digesa memindah keluar barangan berkenaan mulai esok sehingga Selasa depan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.<br><br>Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata susulan rundingan dengan Majlis Keselamatan Negara, kementerian bersetuju melanjutkan proses pelepasan kargo itu selama empat hari lagi bagi mengelak kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama negara. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1828154 |

Penemuan penting & isu:

1. Industri elektrik dan elektronik Malaysia (E&E) meminta kerajaan mempertimbangkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran sehingga 50% semasa tempoh perintah pergerakan (MCO). Kapasiti pengeluaran 30% semasa akan memberi implikasi terhadap rantaian bekalan global kerana industri E&E Malaysia merupakan salah satu sumber utama rantaian bekalan global dalam memberi servis kepada pengeluar utama.
2. Sebanyak 5,000-unit reagen atau bahan uji COVID-19 dengan nilai RM900,000 dibeli di Singapura oleh kerajaan Negeri Sabah dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan (NGO) bagi menyegerakan ujian

pengesanan terhadap 3,000 sampel yang masih tertangguh. Sabah turut menerima 200,000 keping penutup mulut dan hidung; 50,000 keping sarung tangan; 10,000-liter cecair pembasmi kuman dan beberapa bahan keperluan untuk kegunaan makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah.

3. Kerajaan Negeri Sabah menerima tambahan 20,000-unit penutup mulut dan hidung sumbangan kerajaan China untuk kegunaan petugas barisan hadapan yang bertugas dalam perkhidmatan perlu. Sebelum ini konsulat China telah menyumbang 17,000-unit penutup mulut dan hidung, 1,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) dan 200 pasang gogal.
4. Kementerian Pengangkutan melanjutkan proses pelepasan kargo barangan bukan keperluan asas selama empat hari lagi sehingga 7 April bagi mengelak kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama Negara iaitu Pelabuhan Klang di Selangor serta pelabuhan utama di Johor, Pulau Pinang, Kuantan di Pahang, Melaka, Bintulu di Sarawak dan Padang Besar, Perlis. Ini juga bagi memastikan pembekalan barangan keperluan asas kepada rakyat tidak terbantut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua yang dikuatkuasakan pada 1-14 April 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport bagi barangan elektrik dan elektronik (HS Code: 85) pada tahun 2019 mencecah RM339.5 bilion iaitu 34.4% daripada keseluruhan eksport negara. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia pada tahun 2019 ialah Singapura (RM54.8 bilion – 16.1%), Hong Kong (RM54.7 bilion – 16.1%) dan China (RM49.4 bilion – 14.6%). Nilai eksport bagi barangan elektrik dan elektronik dijangka merosot pada tahun 2020 susulan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.
2. Nilai import bagi topeng muka (HS Code: 6307904000 – topeng pembedahan) pada tahun 2019 mencecah RM6.9 juta. Tiga negara sumber utama Malaysia bagi tahun 2019 ialah China (RM2.9 juta – 42.3%), Taiwan (RM1.7 juta – 23.8%) dan Korea (RM1.0 juta – 13.9%). Nilai import bagi topeng muka dijangka meningkat pada tahun 2020 disebabkan peningkatan keperluan susulan penularan kes Covid-19 dalam Negara.
3. Malaysia merupakan pengeluar terbesar sarung tangan getah dan membekalkan kira-kira 65% kepada permintaan dunia dengan nilai eksport mencecah RM17.4 bilion pada tahun 2019. Manakala nilai import yang dicatatkan adalah RM250.5 juta. Jumlah import dan eksport sarung tangan dijangka meningkat pada tahun 2020 berikutan permintaan yang tinggi susulan penularan covid19.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Thail company could delay projects in Malaysia and elsewhere due to oil price collapse**<br><br>The company had set an investment budget of US$4.6 billion for 2020 with exploration plans in Malaysia and Myanmar. In February, it was granted an exploration concession in Oman with France's Total. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/03/thail-company-could-delay-projects-in-malaysia-and-elsewhere-due-to-oil-price-collapse |
| 2. | **The Edge Markets** | **AME Elite potential sales to be realised later due to Covid-19**<br><br>AME Elite Consortium Bhd's potential sales are likely to be realised, albeit at a later stage due to Covid-19.<br><br>Affin Hwang Capital Research said in a note that the construction company had indicated it had four new customers from China that were interested in setting up manufacturing plants in i-Park @ Indahpura. | https://www.theedgemarkets.com/article/ame-elite-potential-sales-be-realised-later-due-covid19 |
| 3. | **Malaysiakini** | **Kekurangan pelaburan berkualiti kekang pertumbuhan Malaysia**<br><br>Kekurangan pelaburan berkualiti, penyusutan pelaburan rentas sempadan dan peningkatan persaingan bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) global memberi risiko terhadap potensi pertumbuhan Malaysia | https://www.malaysiakini.com/news/518537 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | di masa depan, kata Bank Negara Malaysia (BNM). | |
| 4. | **NST Online** | **WCT dips in red with net loss of RM27.62mil for FY19**<br><br>WCT Holdings Bhd (WCT) dipped into the red with a net loss of RM27.62 million in the year ended December 31, 2019 (FY19) from a net profit of RM106.85 million a year ago. The group said it would continue to focus on project execution to deliver a sustainable level of revenue and profits as well as to further pursue opportunities for new construction jobs to replenish its order book. | https://www.nst.com.my/business/2020/04/580758/wct-dips-red-net-loss-rm2762mil-fy19 |
| 5. | **Astro Awani** | **Pemulihan ekonomi akan ambil masa lebih 6 bulan – Mustapa**<br><br>Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata cabaran kemelesetan ekonomi yang bakal dihadapi ekonomi dunia turut melibatkan Malaysia. Pemulihan ini tidak akan berlaku dengan segera dan ianya akan mengambil masa dan berlaku secara berperingkat. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemulihan-ekonomi-akan-ambil-masa-lebih-6-bulan-mustapa-236518 |
| 6. | **The Edge Markets** | **Continuation of large-scale infra projects to provide additional lift to economic growth — BNM**<br><br>Bank Negara Malaysia (BNM) said the continuation of large-scale infrastructure projects will provide additional lift to the economic growth amid the | https://www.theedgemarkets.com/article/continuation-largescale-infra%C2%A0projects-provide-additional-lift-economic-growth-%E2%80%94-bnm%C2%A0 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | challenging economic conditions. | |
| 7. | **The Edge Markets** | **COVID-19-hit building material suppliers want direct payment system**<br><br>The Building Materials Distributors Association of Malaysia (BMDAM) hopes the Government will consider instituting a direct payment system for building materials suppliers who are affected by COVID-19 and the Movement Control Order to ease their cash flow. The direct payment for public sector projects can help assist in cushioning some of this burden. | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19hit-building-material-suppliers-want-direct-payment-system |
| 8. | **The Star** | **Covid-19: 3D printers forge face shields for fight against the coronavirus**<br><br>Oscar Valera likes to use 3D printers to build an assortment of crafts, but he is now turning his hobby toward the fight against the coronavirus pandemic. | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/04/03/covid-19-3d-printers-forge-face-shields-for-fight-against-the-coronavirus |

Penemuan penting & isu:

1. PTTEP, pengeluar minyak dan gas terbesar di Thailand mempunyai sasaran jualan 388,000 tong minyak setara sehari berkata boleh kehilangan sasaran sehingga 5% akibat kejatuhan harga minyak dan wabak Covid 19. Syarikat itu sebelum ini telah menetapkan belanjawan pelaburan sebanyak AS $ 4.6 bilion untuk 2020 meliputi penerokaan di Malaysia dan Myanmar dijangka akan menangguhkan rancangan penerokaan tersebut.
2. Syarikat farmaseutikal yang berpangkalan di Singapura telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah loji pembuatan besar di tapak seluas tujuh ekar di i-Park @ SAC. AME Elite Consortium Bhd. juga sedang meneroka potensi peluang usaha sama dengan pemilik tanah untuk membangunkan taman perindustrian i-Park di Pulau Pinang dan Selangor.
3. Pendapatan kumpulan WCT menurun 21.7 peratus kepada RM1.80 bilion daripada RM2.30 bilion pada 2018, disebabkan oleh sumbangan

| | |
|---|---|
| | keuntungan yang lebih rendah, kos kewangan yang lebih tinggi serta keuntungan nilai saksama yang lebih rendah ke atas hartanah pelaburan.<br>4. BNM berkata pakej rangsangan yang diperkenalkan kerajaan mampu menyerap impak akibat kejatuhan ekonomi. Langkah-langkah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dijangka dapat menambah 2.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK untuk 2020. Ianya turut disokong oleh pertumbuhan dalam penerusan projek infrastruktur berskala besar yang dapat menambah 1 mata peratusan kepada pertumbuhan untuk tahun 2020.<br>5. Pembuat percetakan 3D di California membantu menghasilkan 200 produk penutup muka melalui percetakan 3D kepada pakar perubatan. |
| | Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pemantauan berterusan bagi sektor utama dan pertubuhan-pertubuhan berprofil tinggi dalam survei pembuatan bulanan rujukan Februari-Mac 2020 survei pembinaan suku tahun pertama 2020.<br>2. Pembuatan percetakan 3D telah mula mendapat liputan meluas dan Bahagian mengambil maklum perkembangan industri ini. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Bank Negara raises dividend payout to RM3.5bil, adds RM5.4bil to risk reserve**<br><br>Bank Negara has increased its dividend payout to the government by RM1 bil to RM3.5 bil. This is after the central bank made a net profit of RM8.93 bil in 2019, on the back of a 19.6% jump in total income. The central bank, in its 2019 annual report released today, said it generated a total income of RM11.13 bil, net of costs associated with managing the international reserves portfolio and monetary operations. Day-to-day expenditure rose 22% to RM2.16 bil, while net profit in 2019 climbed 18% to RM8.93 bil. International reserves portfolio constituted 94% of its assets at RM419.6 bil. The liabilities arise mainly from deposits by financial | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/03/bank-negara-raises-dividend-payout-to-rm35bil-adds-rm54bil-to-risk-reserve |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | institutions (RM163.7 bil) and currency in circulation (RM114.1 bil). | |
| 2. | **The Sun Daily** | **'Financial system on strong footing to face market stresses': BNM**<br>A prolonged and severe impact from the Covid-19 pandemic remains a key downside risk to the economy and financial stability, however, the financial system is on a strong footing to withstand such stress, Bank Negara Malaysia stated in its Financial Stability Review report. The recent measures introduced by the central bank, such as the revisions to the Overnight Policy Rate and the statutory reserve requirement, will support banks' efforts to assist affected households and businesses in the wake of the Covid-19 outbreak. | https://www.thesundaily.my/business/financial-system-on-strong-footing-to-face-market-stresses-bnm-HD2207449 |
| 3. | **Berita Harian** | **Eksport Februari lonjak 11.8 peratus, tertinggi dalam 16 bulan**<br>Pertumbuhan eksport Februari 2020 merupakan paling kukuh dalam tempoh 16 bulan, melonjak 11.8 peratus kepada RM74.5 bilion tahun ke tahun. Eksport barangan perkilangan mewakili 84.8 peratus daripada keseluruhan nilai eksport pada Februari 2020. Penyumbang utama kepada peningkatan eksport adalah barangan besi dan keluli, barangan optik dan saintifik, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan kayu serta barangan makanan diproses. Eksport hasil galian pula menurun 13.4 peratus kepada RM12.78 | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672507/eksport-februari-lonjak-118-peratus-tertinggi-dalam-16-bulan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bilion disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi produk gas asli cecair (LNG). | |
| 4. | **Berita Harian** | **COVID-19: Hanya 45 peratus kapasiti ekonomi beroperasi sepanjang PKP - Bank Negara**<br><br>Ekonomi Malaysia beroperasi pada kapasiti 45 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan peningkatan kes Covid-19 di Malaysia sejak awal Mac 2020. Selain itu, ekonomi domestik juga akan terjejas akibat penurunan mendadak dan peralihan yang tidak menentu dalam harga minyak mentah serta gangguan bekalan yang berterusan dalam sektor komoditi. Inflasi keseluruhan diunjurkan antara -1.5 hingga 0.5 peratus pada 2020 dan inflasi asas antara 0.8 hingga 1.3 peratus. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672581/covid-19-hanya-45-peratus-kapasiti-ekonomi-beroperasi-sepanjang-pkp |
